

27/04/2001

Antara Palestin, Melayu dan `Amanat Haji Hadi`

Jabary

RAKYAT Palestin masih menderita dengan perjuangan untuk mendapatkan semula tanah air mereka. Ramai yang terkorban dan ramai pula yang terus dilanda kehidupan tidak menentu tanpa mengetahui apakah bom akan gugur di rumah mereka. Ekonomi negara Asean dan Hong Kong masih dalam keadaan yang tidak menentu.

Kerajaan Malaysia pula terus bergelut untuk memulih dan memperkukuhkan ekonomi negara. Peniaga dan pekerja patut prihatin terhadap segala usaha dilakukan untuk mengatasi masalah ekonomi supaya tidak kecundang ke tahap berbahaya. Jangan fikir keburukan tidak boleh berlaku kepada kita.

Dalam keadaan dan suasana sedemikian, orang Melayu masih sibuk dengan Amanat Haji Hadi. Ia memberi gambaran seolah-olah tidak ada perkara lain yang lebih penting daripada satu ucapan seorang pakcik dari sebuah kampung di Terengganu. Masalahnya, Hadi tidak dianggap hanya sebagai seorang pakcik atau manusia biasa oleh segolongan Melayu. Beliau dianggap sebagai wali atau ulama besar. Ramai orang Melayu terpegun dengan ucapan Hadi walaupun si pendengar itu tidak pernah langsung menjenguk di dalam al-Quran, sama ada ucapan Hadi itu sealiran dengan ajaran Allah atau tidak.

Asalkan seseorang itu berjanggut, berserban dan pandai berbahasa Arab, kita terus menggelapkan daya pemikiran sehingga sanggup memperbodohkan diri sendiri dengan mengatakan bahawa orang itu lebih arif dalam bidang agama. Mana tahu kalau kita jahil? Lainlah sekiranya kita rajin membaca al-Quran dan boleh membuat bandingan pelakuan orang itu berdasarkan al-Quran.

Dalam membicarakan isu Amanat Haji Hadi, tidak pernahkah kita menepuk dada dan tanya diri sendiri satu soalan penting. Sekiranya akidah aku boleh terpesong kerana ucapan seorang, di manakah letaknya keimanan aku? Bukankah lebih berfaedah kita rujuk saja kepada al-Quran kalau kita menganggap diri kita seorang Muslim. Ini tidak mahu dilakukan kerana mentaliti subsidi kita mungkin telah menular kepada bidang agama juga.

Semua hal dalam kehidupan kita mahu diserahkan kepada orang lain untuk diselesaikan, termasuk hal agama. Bagaimana ini boleh terjadi?

Tidak adakah daya berfikir pada diri sendiri? Kita langsung tidak malu atau takut untuk menyerahkan hal kubur sendiri kepada golongan yang dipanggil ulama atau ustaz. Memang digalakkan kita menimba ilmu daripada orang lain, khususnya yang lebih arif tetapi menerima ilmu mesti secara kritis dan bukan membuta tuli sehingga si pengajar pula menjadi Tuhan. Apakah mereka akan mewakili kita di hadapan Tuhan nanti? Mungkin ada orang yang marah dengan kenyataan ini, tetapi marilah kita berfikir bersama dan ambil yang jernih.

Seorang anggota Exco Pas baru-baru ini mempertikaikan kewibawaan Majlis Fatwa Kebangsaan di atas alasan bahawa yang berkebolehan hanya Hadi dan Penasihat Agama Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, kerana kedua-duanya berkelulusan Sarjana Undang-undang Syariah. Jika inilah cara pemikiran Pas, lama-kelamaan segala yang berkaitan dengan Islam akan ditentukan oleh segelintir orang tertentu saja yang mirip kepada sistem kerahiban. Orang kebanyakan akan terpaksa menerima saja fahaman dan tafsiran segelintir golongan ini. Maka lahirlah Islam yang seragam dan selari dengan kehendak golongan ini. Kenapa orang Melayu masih tidak sedar kecenderungan ini? Takkan sudah terhantuk baru nak tengadah.

Masyarakat kita terlalu sibuk untuk menjaga akidah orang lain sehingga

diri sendiri tidak tahu langsung mengenai inti agama Allah. Ada manusia yang banyak pengetahuan dan maklumat dalam kepala tetapi tidak ada ilmu serta iman di dalam hati. Takkan dengan Tuhan pun kita mahu bersandiwara? Kita semakin menjadi masyarakat superficial atau luaran sehingga kita terus menipu diri sendiri dan lama-kelamaan melangkah kembali ke zaman Jahiliah.

Baru-baru ini ada yang mencadangkan satu seminar diadakan untuk membincangkan isu Amanat Haji Hadi. Walaupun cadangan ini mungkin ada baiknya, dikhuatiri kita mempertokohkan orang yang sebenarnya bukan tokoh. Majlis Fatwa Kebangsaan telah membuat keputusan pada 3 Disember 1984 bahawa Amanat Haji Hadi bercanggah dengan Islam.

Jika fatwa sedemikian terkena kepada orang biasa seperti kita, apakah langkah susulan yang akan diambil oleh Jabatan Agama Islam? Kita biasa mendengar bahawa orang yang didakwa 'terpesong akidah' ditempatkan di pusat pemulihan akidah. Jadi, di sini tafsiran yang boleh dibuat adalah dua, iaitu yang pertama, Amanat Haji Hadi tidak memesongkan akidahnya sendiri atau kedua, pihak tertentu teragak-agak untuk mengambil langkah susulan.

Kita masih kabur tafsiran mana yang betul. Bukankah kita telah menjadi masyarakat yang berkebolehan menafsir kepercayaan orang lain kepada Tuhan, terutama jika ia sama bangsa dengan kita?

Kita juga amat risau dengan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brigadier Jeneral (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin bahawa ada pula negeri yang tidak menghiraukan arahan Majlis Fatwa Kebangsaan untukewartakan bahawa mengkafirkan orang Umno yang beragama Islam adalah bercanggah dengan Islam. Kita tidak tahu sama ada negeri mempunyai pilihan dalam hal ini. Mengapa ini terjadi?

Sebenarnya, masalah Amanat Haji Hadi tidak akan menjadi isu lebih besar daripada penderitaan orang Palestin jika orang Melayu belajar berdikari di dalam hal agama. Bacalah al-Quran. Takkan Allah dan akal serta hati yang dikurniakan-Nya tidak memadai? Sampai bila kita mahu beri alasan bahawa kita tidak tahu hal agama? Jika itu pendirian kita, maka tidak hairanlah ramai oportunist agama berpesta dengan kuasa dan sumber pendapatan. Kering lidah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak masyarakat Melayu memahami al-Quran. Sebaliknya, oportunist agama yang takut kehilangan pengaruh menuduhnya anti-ulama. Mungkin golongan ini maksud ulama pun tidak tahu.

Kalau tidak tahu berbahasa Arab, boleh dapatkan terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu. Kita jangan endahkan manusia lain yang menghalang kita membaca terjemahan al-Quran dengan alasan ia adalah terjemahan dan bukan bahasa asal. Seolah-olah jika kita bergantung kepada ajaran seorang ulama semata-mata, itu bukan bermakna menerima fahaman dan terjemahannya? Sebenarnya, jika kita bersama membaca al-Quran sebagai bayi yang baru dilahirkan, tanpa prejudis, kita akan sampai pada titik kefahaman yang sama.

Jadi, biarlah Pas dan Hadi menjawab kepada Tuhan nanti. Kalau ada tindakan undang-undang yang boleh diambil tetapi tidak diambil, orang akan menyangka bahawa ada pilih kasih. Pelbagai tafsiran akan dibuat. Oleh yang demikian, jika Hadi tidak menyalahi undang-undang, kita fikirlah mengenai hal lain yang lebih penting. Dalam konteks ini, saranan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim supaya isu ini jangan diperbesarkan amat bertepatan.

(END)